

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini perjanjian jual-beli saham Bandar Malaysia Sdn. Bhd. terutamanya sama ada bayar RM1.1 bilion telah dibuat sebelum 15 September 2020 dan syarat-syarat pembelian sebelum 5 November 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 1 November 2019, satu perjanjian *Restated and Amended Share Sale Agreement* (RASSA) dan *Shareholder's Agreement* (SHA) antara TRX City Sdn Bhd (TRXC), IWH CREC Sdn Bhd (ICSB) dan Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) telah dimeterai pada 17 Disember 2019 bagi tujuan penjualan 60% saham BMSB oleh TRXC kepada kepada ICSB. Berdasarkan perjanjian tersebut, nilai jualan bersih yang bakal diterima TRXC adalah sebanyak RM6.45 bilion.
2. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan TRXC pada 10 April 2020 telah meluluskan permohonan ICSB supaya diberikan *Extension of Time* (EOT) untuk memenuhi syarat *Conditions Precedent* (CP) dari 17 Jun 2020 kepada selewat-lewatnya 5 November 2020 dan EOT pembayaran baki deposit dan pendahuluan dari 30 April 2020 kepada selewat-lewatnya 15 September 2020.
3. ICSB pada 15 September 2020 telah melunaskan sepenuhnya baki bayaran deposit dan pendahuluan, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah dibayar kepada TRXC setakat ini adalah sebanyak RM1.241 billion.

Tuan Yang Dipertua,

4. ICSB kemudiannya melalui surat bertarikh 2 Oktober 2020 sekali lagi telah memohon supaya tarikh penyempurnaan CP di bawah perjanjian RASSA dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan iaitu daripada 5 November 2020 kepada 5 Mei 2021.
5. Justifikasi bagi permohonan EOT kali kedua ini antara lain adalah seperti berikut:-
 - i. operasi dan perancangan ICSB telah terjejas teruk akibat penularan pandemik Covid-19 yang bukan sahaja

mengakibatkan impak negatif kepada Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) malah seluruh dunia;

- ii. ICSB masih belum dapat menyelesaikan proses *due diligence* ke atas BMSB berikutan pihaknya antara lain masih belum menerima beberapa dokumen yang diperlukan;
- ii. CP bagi ICSB di bawah RASSA masih belum dapat disempurnakan kerana ia melibatkan agensi dan pihak berkuasa yang diluar kawalan dan bidang kuasa ICSB; dan
- iv. ICSB masih belum mendapatkan Jaminan Bank bagi bayaran akhir sebanyak RM3.283 bilion yang perlu dikemukakan kepada TRXC pada tarikh *Completion Date*.

6. Sehubungan dengan itu, melalui perbincangan yang telah diadakan, kedua-dua pihak antara lain telah bersetuju:-

- i. supaya tempoh penyempurnaan CP di bawah perjanjian RASSA dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan iaitu dari 5 November 2020 kepada 5 Mei 2021;
- ii. supaya tarikh akhir pembayaran untuk *payment milestone* ketiga dan keempat (kos PUKL) oleh ICSB sebanyak RM1.926 bilion adalah kekal seperti sedia ada dan ditetapkan pada tarikh yang tidak boleh diubah berdasarkan EOT pertama yang telah diberikan iaitu pada Mei 2021 dan November 2021; dan
- iii. supaya ICSB menanggung 60% obligasi pembayaran Sukuk BMSB yang akan matang pada Februari 2021.